



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED DALAM PERANCANGAN BANDAR UNTUK MEREALISASI MALAYSIA MADANI KOMUNITI SEJAHTERA

PUTRAJAYA, 9 November 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan **Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2023 Peringkat Kebangsaan** yang berlangsung di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya. Teks ucapan perasmian Menteri KPKT, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah dibacakan oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib.

Sambutan HPBS 2023 merupakan anjuran bersama di antara KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) serta Perbadanan Putrajaya sebagai *host city*.

‘**Malaysia MADANI, Komuniti Sejahtera**’ dipilih sebagai tema sambutan HPBS Tahun 2023. Tema ini adalah selaras dengan agenda kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI serta fokus Kementerian mengenai pemeraksanaan penglibatan komuniti melalui tadbir urus bandar untuk pembangunan dan kehidupan yang sejahtera.

YBhg. Datuk KSU mewakili YB Menteri KPKT telah menyampaikan anugerah **Malaysia Urban Planning Awards (MUPA)** kepada 10 penerima **Malaysia Outstanding Sustainable Development Awards 2023**, 29 penerima **Anugerah Penarafan Bandar Pintar 2023** dan 22 penerima **Penghargaan Bandar Mampan 2023**.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah berjaya mendapat taraf bandar pintar (*Smart City Early Adopter*) akan diberi keutamaan peruntukan bagi pelaksanaan inisiatif bandar pintar. Peruntukan ini akan membantu PBT yang terlibat untuk

mencapai peningkatan tahap sehingga ke tahap tertinggi penarafan iaitu Tahap 4 - *Visionary Smart City* sebagai sebuah '*full fledge smart city*'. Penarafan bandar pintar ini akan dilaksanakan secara tahunan untuk memberi peluang kepada semua PBT seluruh negara.

MUPA merupakan satu platform pengiktirafan dan penghargaan kepada semua pihak berkepentingan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam menyediakan kualiti perkhidmatan perbandaran yang terbaik dalam lokaliti masing-masing. *Senarai penerima dan ringkasan anugerah seperti di Lampiran.*

Turut dilancarkan ialah ***Malaysia Electric Vehicle Charging Network (MEVnet)*** yang merupakan satu platform geospatial atas talian untuk perancangan strategik dan pemantauan berterusan terhadap sasaran penyediaan 10,000 petak pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) di seluruh Malaysia menjelang tahun 2025. Pelancaran MEVnet adalah selaras dengan penyediaan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) dan Prosedur Permohonan Pemajuan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Bilangan 42 pada 18 September 2023.

MEVnet merupakan hasil kerjasama erat di antara KPKT menerusi PLANMalaysia dengan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menerusi Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC). Selain itu, Expo Inisiatif Perancangan Bandar daripada PLANMalaysia, PBT, IPTA dan pelbagai agensi yang lain juga diadakan sepanjang sambutan ini.

Bersempena dengan sambutan HPBS, Kongres Perancangan Kebangsaan 2023 (National Planning Congress 2023) (NPC 2023) bertemakan "**Planning for Malaysia MADANI to "Accelerate SDG2030"**" telah berlangsung pada 8 - 9 November 2023. Kongres ini adalah disokong oleh *Commonwealth Association of Planners* (CAP) dan *Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlement* (EAROPH).

NPC 2023 merupakan platform perbincangan isu-isu perancangan terkini, peranan perancang bandar dalam mewujudkan bandar yang berdaya huni, mampan dan komuniti yang sejahtera. CAP dan EAROPH secara konsisten telah menyokong usaha

untuk mempromosikan Bandar Berdaya Huni dalam konsep perancangan dan pembangunan di seluruh negara Komanwel.

Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mendokong tonggak dan gagasan Malaysia MADANI dalam merealisasikan pembangunan mampan demi kesejahteraan komuniti ke arah SDG 2030 dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) di peringkat global. Perancang bandar dan pengurus bandar akan terus komited memastikan perancangan dan pembangunan bandar dapat dilaksanakan dengan komprehensif untuk kepentingan rakyat dalam mencapai hasrat bandar yang mampan dan berdaya huni.

Majlis sambutan HPBS 2023 ini turut dihadiri oleh YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, YBhg. Datin TPr Hajah Noraida binti Saludin, Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), pegawai-pegawai Kementerian/ Jabatan/Agensi yang berkaitan, wakil-wakil daripada PBT Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, wakil-wakil komuniti Tempatan/Persatuan Penduduk, Institusi Pengajian Tinggi Awam, pemaju hartanah, sektor swasta dan juga Persatuan-persatuan yang berkaitan.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : med_ia.ukk@pkpt.gov.my*

